

PAS ke Sabah: PM terperanjat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menafikan dakwaan PAS bahawa beliau merestui penubuhan cawangan parti PAS di Sabah, sebagaimana dakwaan Timbalan Yang Dipertua Agung itu, Haji Fadzil Noor baru-baru ini.

Perdana Menteri yang ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi UMNO di Menara Datuk Onn Sabtu lalu agak terperanjat ketika diminta pengesahan dakwaan itu sepertimana yang disiarkan di muka depan akhbar ini keluaran Sabtu 3-5 Mei lalu.

"Itu dia punya hak, bukan saya restu. Dari segi undang-undang kita tidak bo-

leh menahan mana-mana parti menubuhkan cawangannya di Sabah," katanya.

Presiden UMNO itu seterusnya menegaskan, "Siapa pun boleh menubuhkan cawangannya di Sabah, tiada siapa yang boleh menghalang."

Ketika diminta mengulas lanjut berkaitan dakwaan itu, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Saya tak perlu komen apa mengenai dakwaan itu."

Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Fadzil Noor dalam ceramah di Guar Kepayang, Bukit Raya Kedah dua minggu

lalu mendakwa, Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir telah memberi restu dan meminta PAS menubuhkan seberapa banyak cawangan di Negeri Sabah demi menjamin masyarakat Islam di negeri itu dapat dibela.

Menurut Haji Fadzil, restu dan permintaan itu diberikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ketika beliau dan Yang Dipertua Agung PAS, Haji Yusuf Rawa serta Bendahari Agung Syed Ibrahim Abdul Rahman mengadakan pertemuan 'silaturrahim' di Seri Perdana 9 April lalu.

W. T. H. A. T. 1990
Oleh LOKMAN HJ. ABDULLAH